

D875

U B191 DEB  
MAHATHIR - BN

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGGATKAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SUPAYA JANGAN CEMBURU SESAMA SENDIRI TERHADAP KEMAJUAN MASING-MASING.

BELIAU SELAKU PENERUSI BARISAN NASIONAL HARI INI BERKATA SEBAGAI AHLI-AHLI DALAM SATU KELUARGA, PARTI-PARTI KOMPONEN BN SEBALIKNYA PATUT SALING SOKONG-MENYOKONG.

BELIAU SEMEMANGNYA +PERCAYA TIDAK ADA PERASAAN CEMBURU DI ANTARA SATU PARTI KOMPONEN DENGAN PARTI KOMPONEN YANG LAIN DALAM BARISAN NASIONAL MENGENAI APA-APA KEMAJUAN YANG DIKECAPI MANA-MANA PARTI KOMPONEN+.

KEKUATAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN IBARAT PEPATAH INGGERIS +AS STRONG AS THE WEAKEST LINK+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-16 PARTI GERAKAN DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI SINI.

BELIAU BERHARAP SEBARANG CABARAN DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN, ANTARA LAIN, DAPAT MENINGKATKAN KEMATANGAN POLITIK ANGGOTA MEREKA. -- LAGI

1533MST 06 06 87

D876

U B192 DEB  
MAHATHIR - BN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN KINI ADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN, TERMASUK UMNO DAN GERAKAN, MENGHADAPI CABARAN DALAM PARTI SENDIRI, PERKARA ITU TIDAKLAH MERISAUKAN SANGAT.

BAGI PARTI-PARTI KOMPONEN BN, APA YANG LEBIH PENTING IALAH MENJAGA PERPADUAN SESAMA SENDIRI DAN SESAMA ANGGOTA MEREKA BAGI MENGATASI MASALAH SEPERTI KEMELESETAN EKONOMI, KETEGANGAN POLITIK ATAU SOSIAL, KATANYA.

BELIAU YAKIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG MENGHADAPI SEDIKIT SEBANYAK CABARAN AKAN DAPAT MENEMPUHNYA DENGAN JAYA DAN AKHIRNYA BERSATU.

KATANYA, SUDAH TERBUKTI BAHAWA WALAUPUN SESEBUAH PARTI KOMPONEN ITU AKAN MENEMPUH MASA TURUN ATAU NAIKNYA, IA BERKEUPAYAAN UNTUK BERSATU PADU DALAM MENGHADAPI PILIHANAN RAYA DAN BERBAGAI-BAGAI CABARAN LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN PERPADUAN YANG JITU DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN SANGAT PENTING SUPAYA MEREKA DAPAT BERSAMA-SAMA MEMBERIKAN KEPIMPINAN YANG DIPERLUKAN KE ARAH MEMBANGUNKAN NEGARA. -- LAGI

1535MST 06 06 87

D877

U B193 DEB  
MAHATHIR - BN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BN BUKAN SAHAJA MATANG SERTA CUKUP BERPENGALAMAN UNTUK MENAKHODAKAN NEGARA KE ARAH KEJAYAAN YANG LEBIH PESAT BAHKAN DITERIMA OLEH RAKYAT KESELURUHANNYA.

+TIDAK ADA PARTI LAIN DARIPADA BARISAN NASIONAL YANG BOLEH MENGAKU DIRINYA ATAU TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUANNYA UNTUK MEWAKILI MASYARAKAT MAJMUK SELURUH NEGARA,+ KATANYA.

HAKIKAT INI JELAS KERANA SETIAP KALI DIADAKAN PILIHAN RAYA, TERMASUK PILIHANRAYA KECIL PARLIMEN GOPENG BARU-BARU INI, RAKYAT MENOLAK RAYUAN, LAUNGAN ATAU JANJI PARTI-PARTI LAIN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEYAKINAN RAKYAT KEPADA BARISAN NASIONAL INILAH YANG HARUS DIPELIHARA OLEH PARTI-PARTI KOMPONEN SUPAYA IA BERTERUSAN.

BELIAU BERKATA TIDAK MUNGKIN BN DAPAT MEMERINTAH NEGARA DENGAN LEBIH BERKESAN SEKIRANYA IA MENDAPAT SOKONGAN YANG TERHAD. -- BERNAMA  
1537MST 06 06 87